

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN ASNAF RAKYAT MANAGEMENT SERVICES SDN BHD



4 Mac 2024 - Satu majlis penyerahan sumbangan telah diadakan oleh Rakyat Management Services Sdn. Bhd bertempat dipremis Ar-Rahnu X'Change milik Koperasi New Straits Times Press Malaysia Berhad cawangan Bandar Seri Putra Bangi.

Majlis ini bertujuan untuk memberi bantuan kepada asnaf serta untuk menyokong pengimarah masjid. Jumlah sumbangan yang dikumpulkan adalah sebanyak RM31,000.00, di mana RM21,000.00 diperuntukkan kepada 70 keluarga asnaf dengan setiap keluarga menerima RM300, manakala RM10,000.00 diberikan untuk pengimarah masjid.

Dalam majlis tersebut sumbangan telah disampaikan oleh Tuan Haji Mohd Jafri Bin Kudus, Pengerusi, Rakyat Management Services Sdn. Bhd / Ahli Lembaga Pengarah Bank Rakyat kepada En. Azlan Hj Yaakob, Setiausaha, Masjid Kariah Bangi. Turut hadir adalah En Mohd Fadzil Hj Abd Ghani, Pengerusi, Koperasi New Straits Times Press Malaysia Berhad dan En Mohd Nazim Ismail, Pengurus Kanan Pemasaran & Komunikasi Korporat Rakyat Management Services Sdn Bhd.

#KOOPNSTP
#MAJUKOPERASIANGGOTABAHAGIA
#ARXSUMBANGAN